

92

No. Soalan: 433
PR-1361-T01932

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

SOALAN : Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud
[Kota Raja] minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan kesediaan untuk menukar nama
"Laut China Selatan" kepada "Laut Malaysia
Raya" seperti yang dibuat oleh negara jiran yang
lain iaitu Vietnam Filipina (Laut Filipina Barat),
Indonesia (Laut Utara Natuna) dan (Laut Vietnam
Timur).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kota Raja atas soalan yang dikemukakan.

2. Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua tuntutan dan penyelesaiannya hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau *UNCLOS* 1982.

3. Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah *United Nations Convention on Law of the Sea (UNCLOS)* 1982.

4. Malaysia seterusnya percaya bahawa pendekatan menghindari tindakan provokasi, atau dengan izin *self restraint* oleh semua anggota negara penuntut dan China, adalah penting untuk mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua

5. Penukaran nama ini walaupun telah dilakukan sepertimana negara jiran yang lain iaitu Vietnam (Laut Timur), Filipina (Laut Filipina Barat) dan Indonesia (Laut Utara Natuna), tidak akan memberikan apa-apa kesan terhadap sebarang tuntutan mereka di Laut China Selatan. Ini adalah kerana tuntutan-tuntutan ini harus berlandaskan kepada undang-undang

94

antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau *UNCLOS* 1982 dan bukannya berasaskan nama sesuatu kawasan yang dituntut itu.

6. Tuntutan Malaysia adalah berdasarkan perundangan antarabangsa. Tindakan untuk menukar nama perairan di Laut China Selatan tidak dilihat sebagai mengubah sebarang fakta apatah lagi menguatkan tuntutan sedia ada Malaysia di Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.